

20/11/1997

Cabaran rentasi benua Afrika

Khalid Yasin

ASIA dan Afrika adalah dua benua yang berjiran dan mempunyai tamadun yang tertua di dunia tetapi tidak banyak diketahui mengenai satu sama lain kecuali yang disiarkan melalui media Barat.

Orang yang paling terkenal pernah menjelajah Afrika ialah Dr David Livingstone yang pernah menjalankan empat ekspedisi di benua itu dari timur ke barat dan sebaliknya. Dalam pengembaraannya yang ketiga dan terakhir, beliau berusaha mencari punca Sungai Nil tetapi tidak berjaya.

Bagaimanapun, hari ini semua orang tahu bahawa punca Sungai Nil terletak di tengah benua Afrika iaitu di Tasik Victoria.

Sejak itu, impian untuk merentasi benua Afrika dari utara ke Selatan menjadi cabaran kepada ramai pengembara Barat tetapi kejayaan yang dicapai hanya melalui laluan dari Barat Laut ke Barat Daya atau merentasi gurun Sahara dan Afrika Tengah.

Pada 1913, Kapten R N Kesley dari pasukan tentera British meninggal dunia ketika cuba menjadi orang pertama merentasi Afrika dari Capetown di selatan ke Cairo di Utara.

Laluan dari Capetown ke Cairo akhirnya berjaya dilakukan oleh Mejar Court Trent dan pasukannya dengan dua buah kenderaan. Perjalanan itu mengambil masa selama lebih dua tahun, bermula dari September 1924 dan berakhir pada Januari 1926.

Perjalanan itu melalui tujuh buah negara Afrika seperti Afrika Selatan, Rhodesia Selatan (sekarang Zimbabwe), Rhodesia Utara (sekarang Zambia), German Afrika Timur (Tanzania), Afrika Timur British (Kenya), Sudan dan Mesir.

Sejak beberapa tahun lalu beberapa pengembara terkenal menemui ajal ketika cuba menjelajah Afrika kerana dibaham binatang liar terutama harimau bintang atau hilang tanpa dikesan.

Sehingga ini tiada siapa yang berani untuk menjelajah Afrika dari Utara ke Selatan, tetapi kini satu rombongan dari Malaysia merancang meredah benua itu melalui laluan yang sukar itu.

Seramai 60 rakyat Malaysia itu akan menggunakan kenderaan pacuan empat roda untuk melalui 12 negara dari Cape Town, Afrika Selatan ke Cairo, Mesir sejauh 17,000 kilometer bermula pada 1 December ini dan berakhir pada 6 Januari 1998.

Ekspedisi TransAfrika, selama 33 hari itu adalah yang pertama dianjurkan oleh syarikat pengeluar tayar Silverstone di benua yang penuh dengan sejarah itu selepas kejayaan ekspedisi Silverstone di Mongolia menyusuri Jalan Sutera merentasi Benua Asia.

Ekspedisi itu mendapat sokongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadi penaungnya dan akan dilepaskan oleh Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela di Water Front, Cape Town pada 1 Disember ini.

Rombongan dari Malaysia yang menyertai ekspedisi itu akan berlepas ke Afrika Selatan pada 27 November ini dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, Subang.

Kerja-kerja awal untuk merealisasikan ekspedisi ini sudah dijalankan selama lebih 18 bulan oleh Pengerusi Penganjur Ekspedisi itu, George Wong dan anggotanya.

Wong berkata, Afrika adalah benua yang sedang membangun dan banyak persamaan dengan Malaysia yang sedang berusaha menjadi negara maju.

Sehubungan itu, beliau berkata, usaha untuk melakukan ekspedisi itu adalah selaras dasar kerajaan yang sedang berusaha untuk menjalinkan

hubungan dua hala yang lebih erat dengan negara-negara di benua Afrika.

"Dengan naungan yang diberikan oleh Dr Mahathir, semangat patriotik anggota ekspedisi lebih tinggi dan kami akan cuba menaikkan nama negara dalam menjayakan ekspedisi ini," katanya.

Usaha menjalankan ekspidisi di benua Afrika itu adalah sama dengan usaha yang dijalankan oleh beberapa pihak sebelum ini dalam kempen menerusi lagu 'We are The World' untuk memberitahu dunia supaya bersama-sama membantu menaikkan maruah bangsa Afrika dan meneruskan usaha menjaga alam semula jadi benua itu yang masih kaya dengan pelbagai sumber.

Apa yang menarik mengenai ekspidisi ini ialah kerjasama yang diberikan oleh kerajaan di 12 negara yang akan dilalui kerana walaupun sedang menghadapi krisis, kerajaan terbabit memberikan kerjasama dan bersedia untuk membuka sempadan bagi memberi laluan kepada rombongan ekspedisi dari Malaysia ini.

Difahamkan mereka juga bersedia untuk menjaga keselamatan anggota rombongan dengan menyediakan helikopter untuk mengawasi ekspedisi itu ketika merentasi sempadan antara satu negara ke satu negara yang lain.

Wong berkata, satu daripada cabaran yang dilalui untuk merealisasikan ekspedisi itu, selain mengadakan hubungan dengan masyarakat Afrika yang mengamalkan budaya berbeza dari masyarakat Malaysia ialah mencari laluan yang selamat tetapi mencabar kepada anggota ekspedisi.

"Saya berbangga ekspedisi ini dilaksanakan oleh rakyat Malaysia dan kami akan membuktikan kepada dunia bahawa rakyat negara ini mempunyai kewibawaan untuk menganjurkan satu ekspedisi bertaraf dunia, jauh dari negara asal.

"Kami juga sudah mendapat persetujuan daripada 12 buah negara untuk bekerjasama bagi membenarkan 12 kenderaan pacuan empat roda ekspedisi melalui sempadan mereka dengan selamat," katanya.

(END)